



## KENYATAAN MEDIA

### PERKESO BUKA PERMOHONAN PENJANA KERJAYA 3.0, PROGRAM KERJAYAGIG & SIP PRIHATIN 2.0 HARI INI

**KUALA LUMPUR** – Permohonan untuk insentif **PenjanaKerjaya 3.0**, **Program KerjayaGig** dan **SIP Prihatin 2.0** yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (**PEMULIH**) dibuka mulai hari ini, **15 Julai sehingga 31 Disember 2021**.

Majikan dan pencari kerja boleh membuat permohonan insentif-insentif di bawah **PenjanaKerjaya 3.0** dan **Program KerjayaGig** melalui pautan <https://penjanakerjaya.perkeso.gov.my>. Bagi program **SIP Prihatin 2.0** pula, permohonan boleh dibuat melalui aplikasi telefon mudah alih **Prihatin PERKESO** yang boleh dimuat turun di Google Play Store ataupun Apple App Store mulai jam 12 tengah hari ini.

Majikan yang menggajikan pekerja bermula **15 Jun 2021 dan seterusnya**, layak untuk memohon insentif pengambilan pekerja di bawah program-program tersebut.

PenjanaKerjaya 3.0, Program KerjayaGig dan SIP Prihatin 2.0 telah diperkenalkan di bawah PEMULIH oleh YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 28 Jun 2021. Bantuan Kerajaan ini dilaksanakan untuk **merangsang pewujudan pekerjaan baharu** dan **menggalakkan pengambilan pekerja** oleh majikan khususnya, selain **memperluaskan jaringan perlindungan sosial kepada pelbagai lapisan masyarakat** dan **meringankan beban mereka** amnya, ketika krisis COVID-19 ini.

Maklumat lanjut berhubung setiap inisiatif tersebut boleh didapati melalui **Soalan-soalan Lazim (FAQ)** di laman web rasmi di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) dan media sosial rasmi PERKESO, atau hubungi **Careline PERKESO** di **1300-22-8000**.

Dikeluarkan oleh,  
**BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK**  
**15 JULAI 2021**

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Izad Hj Raya, Ketua Pegawai Komunikasi di talian +6012 – 6377 890 atau Shafiq adnan di talian +6018 – 324 6720.